

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (RPP) ini menyediakan maklumat penting Muamalat Emas-i (ME-i) Fizikal anda. Pelanggan lain telah membaca RPP ini dan mendapati ia bermanfaat, **anda juga harus membacanya.**

1 APAKAH ITU MUAMALAT EMAS-i ME-i) FIZIKAL

Muamalat Emas-i (ME-i) Fizikal adalah produk emas yang patuh Syariah yang memberi peluang kepada pelanggan untuk menyertai pasaran komoditi logam bernilai. Pulangan anda adalah melalui kenaikan harga modal emas pembelian awal anda.

Pihak yang terlibat di dalam transaksi ME-i – Emas Fizikal:

- (a) Pihak Bank:
 - i. Sebagai Penjual - Pihak Bank (sebagai wakil kepada Pembekal Emas) menjual emas tersebut kepada pelanggan mewakili Pembekal Emas.
 - ii. Sebagai Pembeli - Pihak Bank (sebagai wakil kepada Pembekal Emas) membeli semula emas tersebut daripada pelanggan semasa transaksi penebusan/jualan mewakili Pembekal Emas.
- (b) Pelanggan:
 - i. Sebagai Pembeli - Pelanggan membeli emas daripada pihak Bank (sebagai wakil kepada Pembekal Emas).
 - ii. Sebagai Penjual - Pelanggan menjual emas kepada pihak Bank (sebagai wakil kepada Pembekal Emas) semasa transaksi penebusan/jualan.
- (c) Pembekal Emas:
 - i. Pembekal emas yang mempunyai reputasi yang baik dan bertauliah bagi "London Bullion Market Association (LBMA).
 - ii. Akan ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa.

Produk ini distrukturkan di bawah konsep Wakalah dan Bai' Sarf. Wakalah ialah kontrak di mana pihak Bank dilantik oleh Pembekal Emas sebagai wakil untuk menjual atau membeli Emas Fizikal bagi pihaknya. Bai' Sarf ialah kontrak pertukaran wang dengan emas. Pelanggan membeli emas daripada Bank dalam gram pada harga yang ditetapkan dalam Ringgit Malaysia, dan Bank boleh membeli semula emas tersebut daripada pelanggan pada harga yang ditetapkan semasa penebusan.

2 KETAHUI TANGGUNGJAWAB ANDA

Perkara	Penerangan
Pembelian Minima Awal	Individu : 5 gram Bukan Individu : 100 gram
Pembelian Seterusnya	Individu : Dalam gandaan 5 gram Bukan Individu : Dalam Gandaan 10 gram
Ketulenan Emas	99.99%
Denominasi Emas	• 5gram; 10gram; 20gram; 50gram; 100gram Nota: Bergantung kepada ketersediaan.
Akaun Semasa/ Simpanan	Anda haruslah mempunyai Akaun Simpanan atau Semasa BMMB bagi tujuan untuk: i. mendebitkan akaun berkenaan bagi amaun pembelian; ii. mengkreditkan hasil penebusan; iii. mendebitkan fi dan caj (jika ada).

Anda bertanggungjawab untuk:



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam kontrak sebelum anda menandatangani



Hubungi kami jika anda memerlukan penerangan dan penjelasan yang lebih lanjut mengenai produk ini.



Sila rujuk kepada analisis prestasi emas daripada sumber berikut:
<https://goldprice.org/gold-price-history.html>

Kaedah untuk Membeli Emas	Pelanggan akan membeli emas daripada pihak Bank dan Certikad/"Tamper-Evident" Emas-i akan dikeluarkan bagi setiap transaksi belian oleh pelanggan.			
Penebusan/ Belian Emas oleh Bank	Syarat bagi penebusan/ jualan emas fizikal: i. Hanya boleh dilakukan oleh orang/entiti yang berdaftar di bawah rekod BMMB sebagai pembeli/pemilik emas. ii. "Tamper-Evident" Emas-i anda sebagai bukti pemilikan. iii. Certikad/"Tamper-Evident" itu mesti diserahkan kepada cawangan BMMB dalam keadaan baik.			
Harga Jualan & Belian oleh Bank (Harga Emas)	- Harga Jualan & Belian akan dinyatakan setiap hari semasa waktu pejabat di dalam Ringgit Malaysia (RM) oleh pihak Bank. - Harga Jualan menandakan harga di mana pihak Bank menjual Emas kepada pelanggan. Harga Belian menandakan harga di mana pihak Bank membeli Emas daripada pelanggan. - Harga Jualan & Belian akan dipamerkan di ruang perbankan BMMB dan di www.muamalat.com.my. Harga Belian dan Jualan sebenar akan ditentukan ketika transaksi sebenar dilaksanakan.			
Keuntungan Daripada Emas	Keuntungan adalah daripada kenaikan harga emas yang dibeli.			
	Tarikh Belian		Tarikh Penebusan/Jualan	
	24 Ogos 2014		17 Jun 2016	
	Kuantiti		Kuantiti	
	50 gram		50 gram	
	Harga Emas pelanggan segram (dipaparkan sebagai Harga Jualan Bank)		Harga Emas pelanggan segram (dipaparkan sebagai Harga Belian Bank)	
	RM 143.23		RM 167.25	
	Jumlah Amaun Pelaburan		Jumlah Harga Penebusan/Jualan	
	RM7,161.50		RM 8,362.50	

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Date:

		Keuntungan (Kenaikan)	RM 1,201 atau 16.77%
Komisyen	4.65% daripada jumlah yang dibayar oleh pelanggan untuk belian emas.		

Fi & Caj	Jumlah
Caj Perkhidmatan bagi pertukaran denominasi emas	RM 5 per transaksi
Fi Simpanan	Tiada

*Sila rujuk laman sesawang kami di www.muamalat.com.my untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

Jika anda ingin mengetahui cara penilaian emas dibuat, termasuk kaedah penetapan harga, kekerapan kemas kini dan tempat penilaian diterbitkan, sila rujuk maklumat berikut:

Harga emas setiap gram akan ditentukan berdasarkan kadar yang disebut oleh Pembekal Emas kepada Bank dan kemudian ditawarkan kepada pelanggan apabila Borang Permohonan diserahkan. Pembekal Emas menetapkan harga dengan mengambil kira keadaan pasaran dan ketulenan emas. Pembelian akan diproses pada hari bekerja berikutnya selepas Bank menerima Borang Permohonan yang lengkap.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah risiko yang terlibat dengan produk ini?

a) **Risiko Pasaran**

Nilai ME-i - Emas Fizikal boleh berubah disebabkan oleh faktor seperti keadaan pasaran, keyakinan pelabur, kadar keuntungan, kadar pertukaran mata wang, inflasi serta faktor ekonomi, politik dan alam sekitar di peringkat tempatan dan global.

b) **Risiko Undang-Undang**

Sekiranya Pelanggan gagal menunaikan kewajipannya di bawah MG-i - Fizikal, Bank berhak untuk menguatkuasakan haknya mengikut terma dan syarat produk serta undang-undang yang berkuat kuasa.

c) **Risiko Perubahan terhadap Undang-Undang**

Perubahan undang-undang boleh menjejaskan nilai, harga atau kecairan transaksi.

4 TERMA UTAMA LAIN

a) **Pembelian Emas**

- Warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 18 tahun.
- Akaun Amanah adalah dibenarkan untuk kanak-kanak berumur dibawah 18 tahun.
- Akaun bersama adalah tidak dibenarkan.

b) **Penebusan/Jualan Emas**

- Penebusan/jualan emas hanya boleh dilakukan oleh orang/entiti yang dikenalpasti dalam rekod pihak Bank.
- Identiti Certikad/"Tamper-Evident" emas (denominasi, no siri, dan lain-lain) mestilah bersamaan dengan rekod pihak Bank.
- Certikad/"Tamper-Evident" Emas-i hendaklah diserahkan kembali kepada mana-mana cawangan BMMB.

c) **Objektif Pulangan:** Produk ini tidak menjamin sebarang keuntungan. Keuntungan anda Adalah daripada potensi peningkatan nilai modal jumlah emas anda.

d) **Emas Prinsipal:** Prinsipal tersebut adalah tertakluk kepada ketaktentuan pasaran emas dan kebarangkalian mengakibatkan kemerosotan nilai emas.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan Muamalat Emas-i (ME-i) Fizikal, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-26005500



Layari kami di:
[Muamalat Emas-i \(ME-i\) Fizikal](http://MuamalatEmas-i(ME-i)Fizikal)



E-mel kami melalui:
feedback@muamalat.com.my

Perakuan Pelanggan

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- ☐ Saya mengakui Bank Muamalat telah memberikan kepada saya salinan RPP
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam RPP ini.

*Perakuan Pelanggan ke atas RPP ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk

Nama:

Tarikh:

AMARAN:

PULANGAN MUAMALAT EMAS-i – FIZIKAL INI AKAN DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN ADALAH TIDAK TERJAMIN DAN PELANGGAN BERISIKO UNTUK TIDAK MENDAPAT PULANGAN SAMA SEKALI. MUAMALAT EMAS-i – FIZIKAL TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.